

19 OCT 1999

Mahathir-Lawat

PUSINGAN TERAKHIR LAWATAN PM KE NEGERI-NEGERI SEBELUM PILIHAN RAYA

ALOR SETAR, 19 Okt (Bernama) -- Lawatan dua hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Kedah pada Khamis dan Jumaat ini dilihat sebagai pusingan terakhir lawatannya sebelum pilihan raya umum.

Seperti biasa dalam siri lawatannya ke seluruh negara, Dr Mahathir akan memulakannya di Kedah, negeri kelahiran beliau, sebelum menjelajah ke negeri-negeri lain, kata Setiausaha Umno Kedah Mohamed Rozai Shafian.

Tetapi kali ini beliau dijangka tidak akan menjelajah setiap negeri seperti yang dilakukan dalam siri-siri lawatannya sebelum ini.

"Saya akan melawat beberapa negeri dalam pusingan akan datang tetapi tidak semua negeri seperti yang saya lakukan sekarang," kata Dr Mahathir di Kangar bulan lepas, pada sidang berita di akhir siri lawatannya ke seluruh negara sebelum ini.

Mohamed Rozai berkata bagaimanapun Perdana Menteri mungkin melawat setiap negeri kerana beliau adalah seorang yang bertenaga.

Dalam siri-siri lawatan sebelum ini, Dr Mahathir menjelaskan kepada rakyat mengenai isu-isu semasa termasuk soal ekonomi dan politik tetapi dalam siri lawatan kali ini, beliau dijangka memberi tumpuan yang lebih kepada soal politik.

Mohamed Rozai menjangka tumpuan yang lebih kepada soal politik tidak dapat dielakkan memandangkan hampirnya pilihan raya umum akan datang.

Dr Mahathir, dalam lawatannya ke Kedah, dijadual melakukan upacara pecah tanah tapak Sekolah Menengah Paya Kemunting di Jitra, menghadiri majlis perjumpaan bersama Usahawan Tani di Sekolah Menengah Bt 17, Sedaka, Yan dan perjumpaan dengan parti-parti komponen Barisan Nasional di Institut Perguruan Darul Aman, Bandar Darul Aman pada Khamis ini.

Pada Jumaat pula, beliau dijadual menghadiri perjumpaan dengan para anggota Umno Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra, Jitra dan melawat Galeri Muzium Batu di Nongka, Hosba, Kubang Pasu.

-- BERNAMA

JM NAK